



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

و عليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Saya ingin bertanya berkenaan hukum tempoh iddah.

- 1) Adakah tempoh dikira dalam tempoh masa iaitu 90 hari dari tarikh bercerai?
- 2) Di dalam tempoh iddah adakah pihak lelaki masih bertanggungjawab menanggung nafkah makan minum pakai serta tempat tinggal pihak wanita di dalam waktu tempoh iddah? Selain pembayaran iddah yang ditetapkan oleh pihak mahkamah?
- 3) Adakah pihak lelaki dan pihak perempuan masih dikira sebagai suami isteri di dalam tempoh iddah?
- 4) Umum tahu di dalam hubungan suami isteri, dosa isteri ditanggung oleh pihak suami, syurga isteri di bawah kaki suami. Adakah dosa pihak wanita masih ditanggung oleh pihak lelaki masih menanggung apa-apa hutang pihak wanita di dalam tempoh iddah dari segi hukum agama Allah?

5) Adakah pihak lelaki masih berhak menanggung apa-apa hutang pihak wanita di dalam tempoh iddah dari sudut agama Allah?

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya, dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara/saudari, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Bagi menjawab persoalan tuan/puan, ingin kami terangkan dahulu apakah yang dimaksudkan dengan Iddah. Iddah bermaksud tempoh masa tertentu yang ditentukan oleh syarak setelah berlaku perceraian kerana berlaku persetubuhan antara suami isteri pada perkahwinan yang sah atau kematian suami. Iddah tidak wajib bagi perceraian sebelum berlaku persetubuhan. Justeru itu, disini, kami telah menjawab persoalan dari pihak tuan berdasarkan soalan-soalan berikut:

- 1) Terdapat beberapa jenis dan tempoh yang diwajibkan untuk seseorang wanita itu beriddah:
 - i. **Iddah bagi kematian suami** sama ada telah disetubuhi atau belum disetubuhi dan tidak mengandung. Tempoh beriddah adalah **empat bulan sepuluh hari (dikira mengikut tarikh hijrah)** berdasarkan kepada dalil al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 234:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا^ط

Maksudnya: " *Dan orang-orang yang mati antara kamu serta meninggalkan isteri-isterinya hendaklah mereka (isteri-isteri) menunggu empat bulan sepuluh hari*"

- ii. **Iddah bagi wanita hamil** yang dicerai semasa suami hidup (talak raj'ie) atau kematian suami. Tempoh beriddah adalah sehingga melahirkan anak atau kandungan gugur. Berdasarkan situasi ini, tempoh iddah apabila selesai melahirkan anak sama ada hidup atau mati, atau gugur kandungan yang telah membentuk janin yang sempurna atau hanya berbentuk segumpal daging yang menurut pakar perubatan itulah kandungan yang sebenar. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah at-Talaq ayat 4 iaitu:

وَأُولَاتِ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Maksudnya: "Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya."

Berdasarkan kepada nas al-Quran di atas, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menetapkan iddah kepada wanita sesuai dengan keadaannya selepas penceraian.

iii. **Iddah bagi penceraian talak raj'ie** iaitu tiada haid sama ada kerana penyakit, telah dibuang rahim, telah putus haid, belum pernah haid atau lain-lain. **Tempoh iddah bagi situasi ini ialah tiga bulan** berdasarkan firman Allah Dalam surah at-Talaq ayat 4 iaitu:

وَأَلْسَىٰ يَيْسُنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنِ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّي لَمْ يَحْضَنْ

Maksudnya: "Perempuan-perempuan yang tiada haid lagi (putus haid) di antara isteri-isterimu jika kamu ragu-ragu (tentang masa iddahnya), maka iddahnya adalah tiga bulan dan begitu pula perempuan-perempuan yang tiada haid".

iv. **Iddah bagi penceraian talak raj'ie** yang masih mempunyai **haid adalah tiga kali suci iaitu:**

- a. Jika ditalaq semasa dalam keadaan suci, iddahnya tamat apabila datang haid yang ketiga.
- b. Jika ditalaq semasa dalam keadaan haid, iddahnya tamat apabila datang haid yang keempat.
- c. Jika ditalaq semasa dalam keadaan nifas, hendaklah menunggu sehingga tiga kali suci selepas nifas. Iddah tamat apabila datang haid yang keempat.

- 2) Isteri yang **diceraikan berhak mendapat nafkah dengan syarat:**
- i. Isteri yang diceraikan secara talak raji'ie (talak yang boleh dirujuk).
 - ii. Isteri yang hamil diceraikan dengan talak bain (tidak boleh dirujuk) berhak mendapat nafkah sehingga anak lahir.
 - iii. Perempuan yang tidak hamil diceraikan secara talak bain, tidak berhak mendapat nafkah, pakaian dan tempat kediaman. Namun berhak mendapat kemudahan tempat tinggal.
 - iv. Isteri yang tidak nusyuz.

Di dalam tempoh iddah, suami wajib menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal, apa-apa keperluan kepada seorang isteri seperti perubatan dan alatan mandian. Jika melibatkan keputusan mahkamah, perlu diperincikan suami wajib menafkahi isteri seperti dalam tempoh perkahwinan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 233:

أَسْكِنُوهُنَّ مِمَّنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِّنْ وَّجَدِكُمْ وَلَا تُضَارَّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ

Maksudnya: *"Tempatkanlah isteri-isteri yang menjalani iddahnya itu ditempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka ditempat tinggal itu dan tujuan menyusahkan kedudukan mereka supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu".*

Kesimpulannya, nafkah adalah kewajipan suami ke atas isteri dalam tempoh iddahnya. Namun, jika isteri menghalalkannya maka ianya dikira langcai dan bukan hutang tetapi jika suami enggan membayar nafkah tersebut maka isteri berhak menuntut haknya di mahkamah.

- 3) Ya, hubungan mereka masih dikira sebagai suami isteri jika penceraian dibuat dalam raji'ie (talak yang boleh dirujuk). Manakala bagi isteri yang diceraikan dengan talak bain atau talak tiga, maka tidak dikira sebagai suami isteri.

- 4) Suami sama sekali tidak menanggung dosa isterinya jika suami telah melaksanakan tanggungjawab menegur dan menasihati kesalahan isterinya. Jika isteri melakukan dosa tanpa pengetahuan suaminya, maka suami tidak akan menanggung dosa-dosa isterinya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Fatir ayat 18:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ

Maksudnya: " Dan (ketahuilah) bahawa seorang pemikul itu tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain dan jika berat tanggungannya (dengan dosa), lalu memanggil (orang lain) untuk menolong agar dipikul sama bebanan tersebut, maka tidak akan dapat dipikul sedikitpun daripadanya walaupun orang yang meminta pertolongannya itu daripada kaum kerabat sendiri"

Berdasarkan kepada pendapat Ibnu Kathir, menurut hukum syara' manusia yang sempurna akal fikiran dan telah baligh iaitu mukallaf, dosanya akan ditanggung oleh dirinya sendiri kecuali jika perkara mungkar tersebut tidak ditegur dan dicegah oleh orang yang melihat kemungkaran tersebut.

Suami hanya bertanggungjawab menasihati dan menegur kesalahan isteri kerana kaum lelaki itu adalah bersifat memimpin. Berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 38:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

Maksudnya: " Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan penagawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan"

- 5) Suami tidak wajib menanggung hutang isteri kecuali atas ihsan suami. Suami hanya wajib menanggung nafkah isteri kerana ia merupakan kewajipan yang telah ditetapkan oleh hukum syara'

Rujukan:

1. Al-quran. Dan terjemahan
2. Garis panduan JAKIM, "Beriddah bagi wanita yang bercerai atau kematian suami".
3. Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan.
4. Wahbah Zuhaili, al-Fiqh al Islami Wa Adillatuhu.